

152/JUN/1982

RENCANA PENGARANG

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SABTU, 12 JUN, 1982

BERJIMAT UNTUK PULIHKAN EKONOMI

LANGKAH berjimat yang kini digerakkan oleh Kerajaan nampaknya sedang mendapat sambutan yang menggalakkan di semua peringkat. Sementara pihak-pihak seperti Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Kementerian Kewangan masih meneliti dengan terperinci bagaimanakah tindakan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan akan dilaksanakan dengan berkesan. Pihak-pihak tertentu telah pun bertindak sendiri menyelaraskan perbelanjaan mereka supaya sesuai dengan hasrat penjimatan ini. Rabu lalu, misalnya, Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, telah mengumumkan pemotongan peruntukan kepada PKEN lebih 170 juta dengan membekukan projek-projek yang dianggap kurang penting.

Pada waktu yang sama juga Menteri Besar Selangor, Datuk Ahmad Razali Ali, menegaskan bahawa Kerajaan pimpinannya akan memotong \$8 juta dari peruntukan perbelanjaannya bagi tahun ini. Langkah-langkah ini menunjuk-

kan betapa besarnya kesediaan setiap lapisan kerajaan bekerjasama menjayakan gerakan berjimat-cermat yang dianjurkan oleh kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semenjak beliau mula-mula lagi memegang teraju pemerintahan negara. Dari beberapa segi memang tidak sukar difaham kenapa langkah ini diperlukan dan kenapa ia mesti mendapat sokongan yang menyeluruh.

Kerana pergantungan kita kepada ekonomi dunia luar dan oleh sebab ekonomi kita masih bergantung kuat kepada sektor eksport maka amatlah sukar, jika tidak mustahil, untuk kita lari dan bebas terus dari kesan kemelesetan ekonomi dunia yang terus mencengkam pertumbuhan ekonomi negara-negara maju. Tetapi secara perbandingan waktu ini pun kadar pertumbuhan ekonomi kita (dianggarkan akan tetap mencapai setidak-tidaknya 5% tahun ini) masih dua atau tiga kali ganda lebih tinggi dari kadar pertumbuhan kebanyakan negara-negara

maju yang pada puratanya masih belum pun dapat mencapai kadar pertumbuhan 2%.

Tetapi tentulah bukan kadar pertumbuhan lembah sahaja yang membimbangkan kita. Harga barang-barang eksport utama kita yang terus merosot telah mengurangkan pendapatan eksport negara. Implikasi ini terhadap imbangan dagangan dan keperluan untuk negara mendapatkan pinjaman yang lebih besar, dengan beban faedah yang berat, bagi mengekalkan kemajuan dan pembangunan kita adalah nyata. Jadi, yang amat kita perlukan pada waktu ini ialah penjimatan perbelanjaan yang dapat mengurangkan pembaziran tetapi membolehkan kita mendapatkan faedah yang maksimum dari penggunaan sumber kewangan yang ada. Dengan cara ini dan dengan kerjasama dari semua pihak, terutamanya sektor swasta, penjimatan ini bukan sahaja akan mengekalkan kemajuan malah menghasilkan pertumbuhan yang sihat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia